

Jambatan runtuh jejas penduduk

Ditutup dengan pengadang konkrit, elak kenderaan berat

KEPONG – Jambatan di Jalan Metro 1 dekat Taman Emas Kepong merentasi Sungai Keroh runtuh sejak pertengahan September lalu, menyukarkan urusan keluar masuk kenderaan penduduk ke perumahan berhampiran.

Berikutan keadaannya yang retak serius dan sudah menyenget kira-kira 30 peratus, jambatan itu yang sebelum ini boleh dilalui kereta, kini sebahagian sudah ditutup dengan pengadang konkrit dan tidak boleh dilalui kenderaan berat.

Penduduk Taman Kepong Emas, Chan Kim Choi, 48, berkata, sejak tiga bulan lalu, jambatan berturap sudah digunakan 30 tahun lalu itu kini hanya boleh dilalui pengguna berbasikal, motosikal dan pejalan kaki.

“Kami sudah buat aduan, tetapi masih menunggu ia diperbaiki. Buat masa ini ia masih boleh dilalui kenderaan kecil dan pejalan kaki.

“Namun kita bimbang jika dibiarkan lebih lama, tidak mustahil lorong kecil ma-



■ **KIM CHOI**

sih dilalui ini runtuh bila-bila masa sehingga menyebabkan ia langsung tidak boleh digunakan,” katanya.

Menurutnya, jambatan berkenaan adalah laluan utama penduduk, terutama dari Jalan Kepong ke Taman Kepong Maluri dan Taman Desa Jaya serta dilalui tidak kurang 1,000 penduduk sehari.

Dalam pada itu katanya, jambatan berkenaan digunakan sebagai laluan pintas terutama pada waktu puncak untuk pengguna dari Jalan Kepong ke perumahan berhampiran.



■ **Jambatan yang terjejas teruk menyukarkan penduduk untuk menggunakannya.**

“Seperti saya sendiri dari Jalan Kepong untuk ke rumah saya di Taman Emas, hanya mengambil masa lima minit melalui jambatan ini, berbanding satu lagi jalan biasa yang ambil masa 20 ke 25 minit.

“Sekiranya menaiki kereta jika jalan sesak, mungkin kami terpaksa mengambil masa lebih daripada itu,” katanya.

Kim Choi berkata, jalan

sebenar selain menggunakan jambatan berkenaan juga perlu disemak, memandangkan jalan utama penduduk dikatakan masih belum dibina membabitkan kawasan rumah setinggan berhampiran.

Katanya, penduduk setinggan terbabit tinggal kira-kira setengah kilometer setentang dengan jambatan roboh itu juga sedang menan-

ti perumahan mereka disipkan kerana projek penempatan semula mereka masih tertangguh.

“Jika hendak kata jambatan ini di bawah pihak pemaju tidak boleh juga kerana kunci perumahan di sini sudah lama diserahkan,” katanya.

Sementara itu, C Aatish, 31, berkata, jambatan berkenaan bukan setakat dilalui

penduduk, tetapi juga kenderaan seperti polis, ambulans dan bomba untuk ke perumahan sekitar.

Katanya, dia bimbang sekiranya jambatan itu runtuh, ia bukan sahaja menyusahkan penduduk, tetapi boleh menimbulkan kesulitan sekiranya berlaku kecemasan seperti jenayah samun atau kebakaran.

Ahli Parlimen Kepong, Dr Tan Seng Giaw ketika mengulas masalah timbul pula berkata, pihaknya memberikan peringatan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan masih terus berbuat demikian.

“Pihak Jabatan Kerja Awam DBKL memaklumkan mereka telah merujuk perkara ini kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Wilayah Persekutuan. Kita juga ada surat dari JPS mengatakan mereka akan mengambil tindakan lanjut.

“Saya berharap jambatan segera dibaiki kerana saya juga sering menggunakannya,” katanya.